

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 102**

**PERLINDUNGAN BINATANG-BINATANG  
LIAR**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Bab**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Lantikan Ketua Pengawas Mergastua dan pegawai-pegawai lain

**BAHAGIAN II**

**TEMPAT-TEMPAT PERLINDUNGAN BINATANG  
BINATANG LIAR**

4. Tempat-Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar dan perbuatan-perbuatan yang dilarang di dalamnya
5. Taraf Tanah dalam Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar

6. Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar boleh termasuk Hutan Simpan, dsb

### BAHAGIAN III

#### SYARAT-SYARAT AM BAGI PERLINDUNGAN BINATANG-BINATANG LIAR

7. Binatang-binatang liar yang diperlindungi
8. Binatang-binatang yang diperlindungi tidak boleh dijual atau disimpan
9. Pengeksportan binatang-binatang liar
10. Lesen-lesen
11. Lesen-lesen bagi binatang-binatang yang diperlindungi
12. Hak untuk mempertahankan diri dan melindungi harta
13. Memusnahkan binatang yang merbahaya atau yang cedera
14. Benda-benda tanda kenangan dan anak-anak binatang yang dijumpai

### BAHAGIAN IV

#### SYARAT-SYARAT MENGENAI TATACARA DAN PERBICARAAN-PERBICARAAN

15. Kuasa menangkap dan memeriksa
16. Kuasa untuk mengadakan penyiasatan dan menghendaki kehadiran
17. Kuasa untuk menyelesaikan kesalahan-kesalahan
18. Kuasa untuk merampas harta-benda

- 
- 19. Perampasan harta-benda apabila pesalah tidak dapat dijumpai
  - 20. Penyelesaian harta-benda oleh Mahkamah
  - 21. Siapa yang mendakwa
  - 22. Bidangkuasa
  - 23. Perlindungan bagi pemberi-pemberi rahsia dari diketahui
  - 24. Hadiah untuk pemberi rahsia

**BAHAGIAN V**

**JADUAL-JADUAL DAN ATURAN-ATURAN**

- 25. Kuasa untuk membuat aturan-aturan dan perintah-perintah

**JADUAL-JADUAL**

---

## AKTA PERLINDUNGAN BINATANG- BINATANG LIAR

**Satu Akta untuk membuat syarat-syarat bagi Perlindungan  
Binatang-Binatang Liar dan bagi mengadakan tempat-  
tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar**

10 tahun 1978

*Permulaan kuatkuasa : 1 Ogos 1981 S.130/81*

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

**1.** Akta ini boleh digelar sebagai Akta Perlindungan Binatang-Binatang Liar.

Gelaran pendek

**2.** Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain :—

Tafsiran

“Pegawai Mergastua” bermakna mana-mana pegawai yang dilantik di bawah bab 3 menjadi Ketua Pengawas Mergastua, Timbalan Ketua Pengawas Mergastua, Pengawas Mergastua dan Penjaga Mergastua ;

“Tanah Kerajaan” mempunyai makna yang telah ditentukan untuknya oleh Kanun Tanah ;

“memburu”, “membunuh”, “menangkap”, bermakna memburu, membunuh atau menangkap dengan sebarang cara, dan termasuk percubaan-percubaan untuk membunuh atau menangkap dan mengambil atau mengganggu sarang-sarang atau telur-telur ;

Penggal 40

“binatang yang diperlindungi” bermakna mana-mana binatang yang disebutkan dalam Jadual Pertama ;

“menembak” termasuk menembak kepada ;

“tanda kenangan” bermakna kepala, tanduk, gigi, gading, tulang, kuku burung, kuku binatang, kulit, bulu binatang, bulu burung, telur atau mana-mana bahagian yang tahan lama dari apa jua binatang atau sarang sebarang binatang.

Lantikan  
Ketua  
Pengawas  
Mergastua  
dan  
Pegawai-  
pegawai lain

3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Ketua Pengawas Mergastua, seorang Timbalan Ketua Pengawas Mergastua dan beberapa Pengawas Mergastua, Penjaga Mergastua dan pegawai-pegawai lain sebagaimana yang Baginda mungkin memikirkannya perlu bagi melaksanakan syarat-syarat Akta ini.

(2) Semua pegawai sedemikian apakala dilantik adalah tertakluk kepada arahan Ketua Pengawas Mergastua.

## BAHAGIAN II

### TEMPAT-TEMPAT PERLINDUNGAN BINATANG- BINATANG LIAR

Tempat-  
tempat  
Perlindungan  
Binatang-  
Binatang  
Liar dan  
perbuatan-  
perbuatan  
yang  
dilarang di  
dalamnya

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh dari masa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* mengisyiharkan mana-mana kawasan di dalam Negara Brunei Darussalam yang dinyatakan dalam pengisyiharan sedemikian sebagai satu Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar yang khasnya disimpan bagi pemeliharaan binatang-binatang atau burung-burung, dan boleh menentukan atau mengubah had-had mana-mana kawasan sedemikian.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat bab 6, tiada sesiapa pun boleh di dalam sesuatu Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar :—

- (a) menembak, memburu, membunuh, menangkap atau mengambil mana-mana binatang, burung, ikan atau reptilia atau mengambil atau mengganggu sarang atau telur-telur apa jua burung ;
- (b) menyimpan atau membawa sebarang senjata atau sebarang jenis alat rekaan yang digunakan untuk mengambil, menembak atau membunuh mana-mana binatang, burung, ikan atau reptilia ;
- (c) memiliki benda kenang-kenangan atau daging daripada mana-mana mamalia, burung, ikan atau reptilia ;
- (d) memotong atau memindah sebarang tumbuh-tumbuhan ;
- (e) menggali batu, membakar kapur atau arang, atau mencari, memungut atau memindah sebarang hasil hutan atau galian ;
- (f) mendirikan sebarang bangunan, atau membersihkan atau menggali sebarang tanah untuk bercukuk tanam atau untuk sebarang tujuan lain ; atau
- (g) menyalakan, menyimpan atau membawa sebarang api atau membiarkan sebarang api menyalा.

(3) Sesiapa jua yang melakukan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan perenggan (a) dari ceraian (2) adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$2,000.

(4) Sesiapa jua yang melakukan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan perenggan (b), (c), (d), (e), (f) atau (g) dari ceraian (2) adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$1,000.

(5) Tiada sebarang apa pun di dalam bab ini boleh dianggap akan melarang atau menyebabkan boleh dihukum sebarang perbuatan yang dilakukan dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengawas Mergastua.

Taraf tanah dalam tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar

Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar boleh termasuk Hutan Simpan, dsb.

5. Mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai sesuatu tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar di bawah syarat-syarat bab 4 adalah dianggap sebagai tanah yang disimpan bagi maksud awam.

6. Sesuatu Tempat Perlindungan Binatang-Binatang Liar boleh termasuk keseluruhan atau sebarang bahagian dari sesebuah Hutan Simpan atau sesebuah Hutan Yang Diperlindungi, dalam hal mana tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam Akta ini boleh melarang atau menyekat pengurusan Hutan atau Hutan Yang Diperlindungi itu.

### BAHAGIAN III

#### SYARAT-SYARAT AM BAGI PERLINDUNGAN BINATANG-BINATANG LIAR

Binatang-binatang yang diperlindungi

7. Tiada seseorang pun boleh memburu, membunuh atau menangkap mana-mana binatang yang diperlindungi selain dari di bawah dan menurut syarat-syarat sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini : Hukuman, penjara selama setahun dan denda sebanyak \$2,000.

Binatang-binatang yang diperlindungi tidak boleh dijual atau disimpan

8. (1) Tiada seseapa pun, selain dari pemegang lesen berkenaan yang telah dikeluarkan di bawah Akta ini, boleh menjual atau menawarkan untuk jualan atau memiliki sebarang binatang yang diperlindungi atau sebarang benda tanda kenangan atau dagingnya ; melainkan benda-benda itu telah diperolehi secara yang sah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$1,000.

(2) Dalam sebarang dakwaan di bawah bab ini, beban membuktikan perolehan secara yang sah terpulanglah kepada orang yang memiliki binatang yang diperlindungi atau benda tanda kenangan atau dagingnya.

(3) Pengarah Muzium-Muzium adalah terkecuali dari syarat-syarat bab ini dan bab 9 bersabit dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan olehnya dengan secara yang jujur bagi maksud ilmiah.

9. Tiada sesiapa pun boleh mengeksport sebarang binatang yang ditentukan dalam Jadual Pertama, kecuali di bawah dan menurut syarat-syarat sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini : Hukuman, penjara selama setahun dan denda sebanyak \$2,000.

Peng-  
eksportan  
binatang-  
binatang liar

10. (1) Lesen-lesen untuk melakukan sebarang perbuatan yang telah dinyatakan dalam bab-bab 7, 8 dan 9 hendaklah mengikut borang di dalam Jadual Ketiga dan boleh dikeluarkan menurut pertimbangannya yang mutlak oleh Ketua Pengawas Mergastua atau mana-mana pegawai yang dibenarkan bagi maksud itu olehnya, dan, tertakluk kepada arahan Ketua Pengawas Mergastua, oleh Timbalan Ketua Pengawas Mergastua atau Pengawas Mergastua, dan akan tertakluk kepada syarat-syarat khas sedemikian, sekiranya ada, sebagaimana pegawai yang mengeluarkan lesen itu mungkin tertakluk kepada sebarang arahan tersebut, memikirkannya patut supaya dikenakan.

Lesen-lesen

(2) Lesen-lesen tidaklah sah lagi sesuatu tempoh yang melebihi setahun atau sesuatu tempoh yang lebih pendek dari itu sebagaimana pegawai yang mengeluarkannya mungkin, dalam sebarang perkara tertentu, menetapkannya tidaklah boleh dipindah milik.

(3) Tertakluk kepada syarat-syarat bab 11, bayaran-bayaran mengikut kadar-kadar yang ditentukan dalam Jadual Kedua hendaklah dikenakan apabila lesen tersebut dikeluarkan, dan tiada sebarang bayaran boleh dikembalikan jika perbuatan yang dibenarkan oleh lesen tersebut tiada dilakukan.

(4) Pemegang sebarang lesen di bawah Akta ini hendaklah membawa lesen tersebut bersamanya apabila melakukan sebarang perbuatan yang dibenarkan oleh lesen itu, dan hendaklah menunjukkannya untuk pemeriksaan apabila diminta oleh seorang Pegawai Perlindungan Mergastua.

(5) Sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini akan diberi hanya bagi kawasan yang telah ditentukan di dalam lesen itu sahaja.

(6) Pemegang sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, sebaik sahaja lesen tersebut tamat tempohnya atau sebaliknya ditamatkan, mengembalikannya kepada Pegawai Mergastua di tempat di mana ianya dikeluaran.

(7) Apabila sesuatu lesen untuk memburu, membunuh, menangkap, menjual atau mengeksport tamat tempohnya atau dengan sebaliknya ditamatkan, maka pemegang lesen itu hendaklah, sebelum mengembalikannya kepada Pegawai Mergastua, mencatatkan pada lesen itu bilangan serta jenis-jenis binatang yang telah dibunuh, ditangkap, dijual atau dieksport.

(8) Barangsiapa yang melanggar syarat-syarat ceraian (4), (6) atau (7) atau gagal mematuhi sebarang syarat khas yang dikenakan di bawah bab ini, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 bulan dan denda sebanyak \$500.

Lesen-lesen  
bagi  
binatang-  
binatang  
yang di-  
perlindungi

Hak untuk  
memper-  
tahankan  
diri dan  
melindungi  
harta

11. Lesen-lesen membenarkan sebarang perbuatan yang disebutkan dalam bab 7 boleh dikeluarkan hanya bagi sesuatu tujuan ilmiah sahaja dan tiada sebarang bayaran akan dikenakan kerananya.

12. Tiada sesuatu pun dalam Akta ini boleh dianggap akan menyentuh hak seseorang untuk bertindak bagi mempertahankan dirinya, atau diri orang lain, atau bagi melindungi harta orang itu atau orang lain.

13. Pegawai Mergastua atau sesiapa jua yang dibenarkan olehnya boleh :

- (a) memburu, membunuh atau menangkap sebarang binatang yang telah diisyiharkan oleh Ketua Pengawas Mergastua sebagai merbahaya kepada nyawa dan harta-benda ;
- (b) memburu, membunuh atau menangkap sebarang binatang untuk mengelakkan kesakitan yang tidak perlu kepada binatang tersebut.

Memusnahkan binatang yang merbahaya atau yang cedera

14. (1) Sesiapa jua yang menjumpai benda tanda kenangan dari binatang yang dilindungi hendaklah dengan seberapa segera memaklumkan atau memberi tahu mengenai perjumpaan benda tanda kenangan atau daging itu kepada Pegawai Mergastua yang berhampiran sekali dan benda tanda kenangan atau daging tersebut hendaklah dibuat secara yang Ketua Pengawas Mergastua mungkin mengarahkan.

Benda-benda tanda kenangan dan anak-anak binatang yang dijumpai

(2) Sesiapa jua yang, apakala menjumpai anak sebarang binatang yang diperlindungi, ada mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa anak binatang itu seharusnya masih di bawah jagaan ibunya akan tetapi jagaan tersebut tiada diberikan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat sama ada menghantar binatang itu kepada Pegawai Mergastua yang berhampiran sekali atau memberikannya segala keterangan yang mungkin perlu untuk membolehkan Pegawai Mergastua itu melakukan penangkapan, dan binatang itu hendaklah dibuat secara Ketua Pengawas Mergastua mungkin mengarahkan.

(3) Pelanggaran terhadap sebarang syarat dari bab ini adalah merupakan suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama 3 bulan dan denda sebanyak \$500.

## BAHAGIAN IV

## SYARAT-SYARAT MENGENAI TATACARA DAN PEMBICARAAN

Kuasa  
menangkap  
dan  
memeriksa

15. (1) Mana-mana Pegawai Mergastua atau Pegawai Polis boleh, tanpa waran, menangkap sesiapa yang disyaki ada terlibat dalam kesalahan terhadap Akta ini sekiranya orang tersebut enggan memberikan nama serta alamatnya, ataupun memberikan nama serta alamat yang pegawai tersebut mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai adalah palsu, atau jika pegawai tersebut mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa, melainkan orang tersebut ditangkap, dia mungkin melarikan diri, atau bahawa kelewatan yang tidak berpatutan, kesusaahan atau perbelanjaan untuk menghadapkannya kepada keadilan akan berlaku kelak.
- (2) Tiap-tiap pegawai yang membuat penangkapan di bawah bab ini hendaklah, dengan tidak berlengah-lengah lagi, membawa atau menghantar orang yang telah ditangkap itu kepada pegawai menjaga balai polis yang berhampiran sekali, atau kepada seorang pegawai yang diberi kuasa untuk menyelesaikan kesalahan itu menurut bab 17.
- (3) Bila mana juga seseorang Pegawai Mergastua atau Pegawai Polis mempunyai sebab yang munasabah untuk mengsyaki bahawa satu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan, maka dia boleh memasuki mana-mana tanah atau bangunan bagi maksud-maksud melaksanakan syarat-syarat Akta ini, atau bagi maksud mencegah atau mengesan kesalahan-kesalahan terhadap Akta ini, dan boleh menggeledah sebarang kapal, kenderaan, bangunan, tempat tertutup atau tempat yang di bawah kawalan orang yang disyaki, wakil-wakil atau orang-orang gajinya.

16. (1) Mana-mana Pegawai Mergastua yang bukan di bawah pangkat Pengawas Mergastua boleh, dengan notis bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya bagi maksud penyiasatan, pada waktu dan tempat yang akan ditentukan dalam notis itu, sesiapa jua pun yang disyaki terlibat dalam sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk  
mengadakan  
penyiasatan  
dan  
menghendaki  
kehadiran

(2) Jika mana-mana orang tersebut enggan menghadiri sebagaimana yang dikehendaki maka Pegawai Mergastua boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang majistret yang boleh selepas itu, jika difikirkannya patut, mengeluarkan saman atau waran untuk mempastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh notis itu.

17. (1) Mana-mana Pegawai Mergastua yang bukan di bawah pangkat Pengawas Mergastua boleh menerima dari pada mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini sejumlah wang, yang tidak melebihi \$100, sebagai ganti-rugi bagi kesalahan yang telah dilakukan :

Kuasa untuk  
menyelesai-  
kan  
kesalan-  
kesalahan

Dengan syarat bahawa tiada sebarang kesalahan terhadap syarat-syarat perenggan (a) ceraian (2) dari bab 4 atau bab 7 boleh diselesaikan tanpa persetujuan Ketua Pengawas Mergastua.

(2) Apakala dibayar jumlah wang tersebut, maka orang itu hendaklah dibebaskan dan tiada sebarang tindakan selanjutnya akan diambil terhadapnya, dan harta-benda tersebut, sekiranya ada, (selain dari sebarang binatang yang dipelindungi atau benda tanda kenangan atau dagingnya) yang telah dirampas sebagaimana yang dipersyaratkan dalam Bahagian ini hendaklah diselesaikan secara yang pegawai berkenaan itu fikirnya patut.

(3) Semua jumlah wang yang telah diterima sebagai ganti-rugi di bawah bab ini hendaklah dimasukkan ke dalam kira-kira hasil mahsul am Negara Brunei Darussalam.

Kuasa untuk  
merampas  
harta-benda

**18.** (1) Manakala ada alasan untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan, sebarang binatang atau tanda kenangan daripada binatang atau dagingnya, bersama-sama dengan segala senjata, alat dan alat-alat rekaan yang digunakan pada melakukan kesalahan tersebut boleh dirampas oleh mana-mana Pegawai Mergastua atau pegawai polis.

(2) Tiap-tiap pegawai yang merampas sebarang harta-benda di bawah bab ini hendaklah meletakkan pada harta-benda tersebut, atau pada bekas, sekiranya ada, di dalam mana ianya disimpan, satu tanda yang menunjukkan bahawa ianya telah pun dirampas, dan hendaklah dengan tidak berlengah-lengah lagi, membuat laporan tentang rampasan tersebut kepada seorang majistret yang mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan mengenai perampasan yang telah dibuat itu :

Dengan syarat bahawa, dalam sebarang perkara di mana harta-benda tersebut telah dirampas berkaitan dengan kesalahan yang telah diselesaikan di bawah bab 17, maka tidaklah perlu untuk melaporkan kepada seorang majistret tentang perampasannya, dan harta-benda tersebut hendaklah diselesaikan secara yang pegawai berkenaan itu fikir patut.

Perampasan  
harta-benda  
apabila  
pesalah  
tidak dapat  
dijumpai

Penggal 7

Penyelesaian  
harta-benda  
oleh  
Mahkamah

**19.** Jika ada alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh seorang yang tidak diketahui atau tidak dapat dijumpai, maka semua harta-benda yang dirampas di bawah bab 18 mengenai kesalahan itu hendaklah diambil milik oleh Pegawai Mergastua yang bukan di bawah pangkat Pengawas Mergastua siapa hendaklah melaporkan perampasan itu kepada seorang majistret, dan majistret itu hendaklah menguruskan harta-benda itu seolah-olah ianya merupakan perkara yang dilaporkan kepadanya di bawah bab 363 Kanun Peraturan Jenayah.

**20.** Apabila pembicaraan sebarang kesalahan di bawah Akta ini tamat, maka sebarang harta-benda yang telah dirampas di bawah syarat-syarat Akta ini hendaklah diselesaikan sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh Mahkamah.

**21.** Dakwaan-dakwaan mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawah ini boleh dijalankan oleh seorang Pegawai Mergastua, atau oleh sesiapa yang khasnya dibenarkan secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengawas Mergastua.

Siapa yang mendakwa

**22.** Mahkamah Majistret akan mempunyai bidangkuasa terhadap semua kesalahan di bawah Akta ini dan, dengan tidak menghiraukan sebarang apa jua yang berlawanan yang mungkin terkandung di dalam Kanun Peraturan Jenayah, akan mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman yang sepenuhnya.

Bidangkuasa

Penggal 7

**23.** (1) Kecuali sebagaimana dipersyaratkan selepas ini, tiada sebarang saksi dalam sebarang pembicaraan di bawah Akta ini akan diwajibkan atau dibenarkan untuk memberitahu nama dan alamat mana-mana pemberi rahsia, atau isi kandungan maklumat yang diterima daripadanya, atau menyatakan sebarang perkara yang mungkin menyebabkan orang itu diketahui.

Perlindungan bagi pemberi-pemberi rahsia dari diketahui

(2) Sekiranya mana-mana buku, dokumen atau kertas yang wujud sebagai bukti keterangan atau yang boleh diperiksa dalam sebarang pembicaraan di bawah Akta ini ada dinamakan atau diperhalkan, atau yang mungkin menyebabkan ianya diketahui, maka Mahkamah hendaklah menyuruh supaya catatan itu disembunyikan dari penglihatan atau dihapuskan, tetapi hanya setakat yang perlu sahaja untuk melindungi pemberi rahsia itu dari diketahui.

(3) Jika sekiranya, dalam pembicaraan sebarang kesalahan terhadap Akta ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawah ini, mahkamah setelah penyiasatan sepenuhnya, mempercayai bahawa pemberi rahsia itu sengaja telah membuat dalam aduannya suatu kenyataan yang diketahui dan diperdayainya sebagai palsu atau yang tidak dipercayainya sebagai benar atau, jika mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan tanpa diketahui pemberi rahsia itu maka adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki agar

ditunjukkan aduan yang asal, jika secara bertulis, dan membenarkan penyiasatan dan menghendaki diberitahu sepenuhnya akan pemberi rahsia itu.

Hadiah untuk  
pemberi  
rahsia

**24.** Jika, dalam mana-mana tindakan pembicaraan di bawah Akta ini, sebarang denda ada dikenakan, maka mahkamah boleh menghadiahkan sebarang jumlah atau jumlah-jumlah yang tidak melebihi separuh daripada jumlah denda yang telah dikumpulkan kepada mana-mana pemberi rahsia atau pemberi-pemberi rahsia :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang jumlah wang tersebut boleh dihadiahkan kepada mana-mana pegawai polis atau kepada mana-mana orang yang telah dilantik untuk membantu dalam pentadbiran Akta ini.

## BAHAGIAN V

### JADUAL-JADUAL DAN ATURAN-ATURAN

Kuasa untuk  
membuat  
aturan-aturan  
dan perintah-  
perintah

**25.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat aturan-aturan pada amnya bagi melaksanakan syarat-syarat Akta ini, dan khususnya, aturan-aturan tersebut boleh mempersyaratkan bagi :

- (a) musim larangan bagi sebarang jenis binatang liar ;
- (b) menentukan kecukupan umur bagi pengambilan, pemburuan, pembunuhan atau penangkapan sebarang jenis binatang liar ;
- (c) mengawal pemeliharaan sebarang jenis binatang liar yang dalam kurungan ;
- (d) mengawal pengimportan atau pengeksportan binatang liar ;

(e) jenis senjata-senjata, alat-alat dan alat-alat rekaan yang boleh digunakan bagi mengambil, menembak atau membunuh binatang liar ;

(f) memberi pengecualian daripada apa-apa juga yang dipersyaratkan oleh aturan-aturan tersebut ;

(g) rayuan terhadap atau kajian semula sebarang perkara menjalankan hak pertimbangan yang telah diletakkan oleh aturan-aturan tersebut kepada mana-mana Pegawai Mergastua ; dan

(h) apa-apa juga yang memerlukan supaya dipersyaratkan secara aturan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, dengan perintah yang ditandatanganinya di dalam *Warta Kerajaan*, meminda sebarang Jadual-jadual itu.

**JADUAL PERTAMA**  
(Bab-bab 2, 7, 8 dan 9)

**DAFTAR BINATANG-BINATANG**

**BAHAGIAN A : BINATANG-BINATANG YANG DIPERLINDUNGI**

<b>Nama Dalam Bahasa Inggeris</b>	<b>Nama Ilmiah</b>	<b>Nama Tempatan</b>
1. Long-nosed monkey	Nasalis Larratus	Bangkatan (Melayu) Orang Belanda (Melayu)
2. Orang Utan	Pongo Pygmeaus	Mayas (Melayu) Orang Utan (Melayu)
3. Rhinoceros	Rhinoceros sumatrensis	Badak Kerbau (Melayu)
4. Earless Monitor Lizard	Lanthanotus Borneonis	Kukang (Melayu)

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

	<b>Nama Dalam Bahasa Inggeris</b>	<b>Nama Ilmiah</b>	<b>Nama Tempatan</b>
5.	Tarsier	<i>Tarsius bancanus</i>	Tempelileh (Melayu) Ingkat (Iban)
6.	Clouded Leopard	<i>Neofelis nebulosa</i>	Harimau dahan (Melayu) Rimau dahan
7.	Slow Loris	<i>Nycticebus coucang</i>	Ukang (Melayu) Rengkang (Iban)
8.	Reef Egret	<i>Egretta Sacrs</i>	Ujoh Laut (Melayu)
9.	Cattle Egret	<i>Bubulcus Coromandus</i>	Kenawai (Melayu) Burung Apuh (Iban)
10.	Storm's stork	<i>Ciconia Stormi</i>	Bangau (Melayu)
11.	Lesser Adjutant Stork	<i>Leptoptilos javanicus</i>	Burung Botak (Melayu) Luhong
12.	White-bellied Sea Eagle	<i>Haliacetus Leucogaster</i>	Helang Laut (Melayu)
13.	Grey-headed Fishing Eagle	<i>Ichthyophaga ichthyaetus</i>	Helang (Melayu)
14.	Black-naped Tern	<i>Sterna Sumatrana</i>	Tara-tara (Melayu) Burung Laut Entala Putih
15.	Brown-Winged Tern	<i>Sterna Anaetheta</i>	Burung Laut Entala Hitam (Melayu)
16.	Pied Imperial Pigeon	<i>Ducula Bicolor</i>	Peragam Burung (Melayu) Rawa (Iban)
17.	Stork Billed Kingfisher	<i>Pelargopsis Capensis Fraseri</i>	Burung Raja Udang (Melayu)
18.	Ruddy Kingfisher	<i>Halcyon Coromando Minor</i>	Bekaka (Melayu)

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

	<b>Nama Dalam Bahasa Inggeris</b>	<b>Nama Ilmiah</b>	<b>Nama Tempatan</b>
19.	Black Capped Kingfisher	<i>Halcyon pileata</i>	Bekaka Burung Buaya Hitam (Melayu)
20.	Great Argus Pheasant	<i>Argusianus argus grayi</i>	Keruai (Melayu)
21.	Bulwer's Pheasant	<i>Lophura bulweri</i>	Ayam Hutan (Melayu)
22.	Malaysian Peacock Pheasant	<i>Polyplectron malacense</i>	Merak (Melayu dan Iban)
23.	White-Crested Hornbill	<i>Berenicornis comatus</i>	Sentuku (Iban)
24.	Bushy-Crested Hornbill	<i>Anorrhinus galeritus</i>	Kekalua (Iban)
25.	Wrinkled Hornbill	<i>Aceros leucocephalus corrugatus</i>	Alau buloh (Melayu) Kejakoh (Iban)
26.	Wreathed Hornbill	<i>Aceros undulatus</i>	Alau sangoh (Melayu) Undan (Iban)
27.	Black Hornbill	<i>Anthracoceros malayanus</i>	Alau babi (Melayu) Likap Gagak/Rengak (Iban)
28.	Pied Hornbill	<i>Anthracoceros coronatus</i>	Alau Pedada (Melayu) Bruic (Iban)
29.	Rhinoceros Hornbill	<i>Buceros rhinoceros borneensis</i>	Loklang/Sangang (Melayu) Kenyalang (Iban)
30.	Helmeted Hornbill	<i>Rhinoplax vigil</i>	Lantudon (Melayu) Tajai (Iban)
31.	Dugon	<i>Dugon dugon</i>	Doyung (Melayu) Duyong (Iban)
32.	Green (or Edible) Turtle	<i>Chelonia mydas</i>	Penyu Palua (Melayu) Penyu emeigt

	<b>Nama Dalam Bahasa Inggeris</b>	<b>Nama Ilmiah</b>	<b>Nama Tempatan</b>
33.	Hawksbill Turtle	Eretmochelys imbricata	Penyu sisik (Melayu)
34.	Leatherback Turtle	Dermochelys coriacea	Penyu timbo (Melayu)

**BAHAGIAN B : BINATANG-BINATANG LAIN YANG PENG-EKSPORTANNYA DILARANG KECUALI DENGAN LESEN**

- (i) Mawas-mawas dan Monyet
- (ii) Beruang-beruang
- (iii) Rusa

# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## **JADUAL KEDUA (Bab 10 (3))**

## BAYARAN-BAYARAN

- A. Bayaran bagi lesen untuk mengeksport binatang-binatang yang dibebaskan di dalam Jadual Pertama ..... \$50.00 seekor.

B. Bayaran untuk sesuatu lesen di bawah bab 9 .....  
\$30.00 sebulan.

## **JADUAL KETIGA** **(Bab 10)**

**BENTUK LESEN**  
(Tidak boleh dipindah milik)

Kebenaran adalah dengan ini diberi kepada .....  
(di alamat) ..... untuk memburu, membunuh atau menangkap/memiliki/menjual/mengekspor\* binatang yang berikut, iaitu :

jenis .....  
bilangan .....  
di dalam Daerah .....

tertakluk kepada syarat-syarat Akta Perlindungan Binatang-binatang Liar, dan sebarang aturan-aturan yang telah dibuat di bawahnya, dan kepada syarat-syarat khas yang berikut, iaitu :

Tarikh Dikeluarkan .....  
Sah sehingga (tarikh) .....  
Bayaran \$ ..... (jelas)

## *Ketua Pengawas Mergastua/Pengawas Mergastua*

\*Potong yang tidak berkenaan.

**PERHATIAN :** Jika lesen itu ialah untuk membunuh, menangkap, menjual atau mengeksport, lesen ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Pengawas Mergastua atau Pengawas Mergastua apakala tamat tempohnya dengan mencatatkan bilangan ..... yang telah dibunuh, ditangkap, dijual atau dieksport\*.

\* Potong yang tidak berkenaan.

**PERINGATAN :** Lesen ini mestilah dibawa pada tubuh badan pemegang lesen itu sendiri tatkala dia melakukan perbuatan-perbuatan yang telah dibenarkan.